

## Kerjasama Erat UMP dan Yamaguchi University



Kuantan, 26 Februari – Hubungan baik yang terjalin di antara Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Yamaguchi University (YU) melalui beberapa program dalam bidang akademik dan penyelidikan seperti program mobiliti pelajar YU ke FKASA UMP di sini telah membuka peluang kepada Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) dalam merintis jalinan kerjasama yang lebih berkesan bersama YU.

Baru-baru ini berlangsung satu pertemuan dua hala antara pihak CERRM dan FKASA bersama YU dalam meneroka peluang kerjasama dalam bidang akademik dan juga penyelidikan. YU yang diwakili oleh Profesor Dr. Masayuki Hyodo dan Profesor Madya Dr. Azizul Moqsud dari Jabatan Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan YU juga turut dibawa melawat dan meninjau sendiri kemudahan penyelidikan yang disediakan di universiti ini.

Menurut Profesor Dr. Masayuki Hyodo, hubungan baik yang telah sedia terjalin sejak tahun 2010 ini telah diperkukuhkan lagi dengan program mobiliti pelajar YU di UMP yang kini sudah memasuki kumpulan ketiga.

“Program mobiliti yang dilaksanakan UMP ini merupakan yang terbaik setakat ini bagi program mobiliti pelajar YU ke luar negara. Lain-lain universiti yang pernah dikunjungi termasuklah Bristol University, Sheffield University, Chulalongkorn University, Georgia Institute of Technology dan Wollongong University,” katanya.



Pihaknya berbangga dengan hubungan baik ini dan kini kunjungannya ke UMP telah berjalan kali keempat. Malah hubungan baik ini akan berterusan dengan pelantikan Dr. Muzamir Hasan sebagai Felo Pelawat di Fakulti Kejuruteraan YU pada tahun lepas.

Pihaknya kini berbesar hati dengan peluang kerjasama yang ditawarkan ini dan secara dasarnya bersetuju dengan cadangan untuk menterjemahkan jalinan kerjasama ini melalui sebuah memorandum perjanjian (MoA) tidak lama lagi.

Manakala bagi Pengarah CERRM, Dr. Muzamir Hasan berkata, peluang untuk menjalinkan kerjasama bersama YU merupakan satu langkah permulaan dalam usaha menarik minat pelabur dari Jepun untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan di UMP memandangkan YU mempunyai hubungan baik dengan pelbagai industri selain menjadi penasihat kepada beberapa industri di Jepun.

Malah katanya, CERRM kini dalam rangka pelan untuk bekerjasama dengan Asahi Techno Co. yang berpangkalan di Jepun dalam program pemindahan teknologi dalam bidang kejuruteraan awam terutamanya melibatkan kaedah-kaedah terkini dan berteknologi tinggi yang diusahakan oleh syarikat tersebut hasil inisiatif Prof. Dr. Masayuki Hyodo sendiri.

"Dengan rangkaian kerjasama luas yang dimiliki oleh Profesor Dr. Masayuki Hyodo dan YU di peringkat global, CERRM turut berharap hubungan kerjasama antara YU dan UMP ini dapat memberi peluang kepada para pelajar dan UMP menerokai pelbagai bidang dengan lebih berkesan," katanya ketika menyampaikan ucapan.

Turut sama hadir, Timbalan Pengarah CERRM, Dr. Jacqueline Isabella Ak Gisen, Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) FKASA, Noram Irwan Ramli, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah) FKASA, Dr. Doh Shu Ing, Penolong Pendaftar FKASA, Wan Muslimin Wan Nawang dan Ketua Kumpulan Kejuruteraan Struktur CERRM, Ir. Saffuan Wan Ahmad. Hadir sama Ketua Kumpulan Kejuruteraan Alam Sekitar CERRM, Abdul Syukor Abd Razak, Ketua Kumpulan Kejuruteraan Hidraulik & Hidrologi CERRM, Nadiatul Adilah Ahmad Abdul Ghani selain wakil daripada Pejabat Antarabangsa.

Selain membincangkan perjanjian hubungan kerjasama, pertemuan dua hala ini juga turut mengetengahkan beberapa perkara berkaitan pelajar meliputi biasiswa dan kemudahan yang disediakan kerajaan Jepun seperti Japanese Student

Services Organization (JASSO) dan Japan Society For The Promotion Of Science (JSPS) RONPAKU, selain cadangan mengadakan beberapa aktiviti di peringkat antarabangsa secara bersama.

Kerjasama yang terjalin antara UMP dan YU ini diyakini akan memberi manfaat besar kepada para pelajar serta membuka peluang kepada pelajar dan staf untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

**Disediakan oleh Ahmad Amirul Faiz Ahmad Tajudin, Pegawai Penyelidik CERRM dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 11-03-2016, 12:44:39